

Mengenali 'pembina' Ilmu Tradisi Melayu Islam



ANTARA yang sama-sama mendengarkan ceramah berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - Program Sesi Ceramah@penBorneo dianjurkan untuk menggalakkan penggunaan sumber manuskrip sebagai bahan rujukan, di samping memberikan kefahaman yang jelas kepada mahasiswa akan kepentingan mempelajari ilmu sejarah dan dibuat kajian mengenainya untuk rujukan orang ramai.

Sehubungan itu, program tahunan anjuran Bahagian Pusat

Pengkajian Borneo (penBorneo), Pusat Sejarah Brunei (PSB) tersebut diadakan di Bangunan penBorneo, PSB, dengan ceramah, bertajuk Aspek-Aspek Epistemologikal Pemikiran Raja Ali Haji dalam Membangun Tradisi Keilmuan Islam Melayu : Pembacaan Kitab Bustan al-Katibin li al-Sibyan al-Muta'alimin, disampaikan oleh Timbalan Dekan, Fakulti Pengurusan Islam, Universiti



BAHAGIAN Pusat Pengkajian Borneo (penBorneo), Pusat Sejarah Brunei (PSB) menganjurkan ceramah, bertajuk Aspek-Aspek Epistemologikal Pemikiran Raja Ali Haji dalam Membangun Tradisi Keilmuan Islam Melayu : Pembacaan Kitab Bustan al-Katibin li al-Sibyan al-Muta'alimin, disampaikan oleh Timbalan Dekan, Fakulti Pengurusan Islam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha.

Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Anis Malik Thoha.

Antara yang dikongsikan semasa ceramah tersebut, penguraian dan pengenalan aspek penting sumbangan daripada tokoh terkenal dalam Abad Ke-19, iaitu Raja Ali Haji, salah seorang 'pembina' Ilmu Tradisi Melayu Islam.

Selain itu, ceramah turut memfokuskan aspek epistemologi sumbangan Raja Ali Haji merujuk kepada bukunya.

Ceramah berkenaan memberikan kesempatan kepada penceramah untuk berkongsi dalam menyampaikan maklumat berinformasi juga dapat menjelaskan perkara yang

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

penting dan mudah difahami, selain memberikan motivasi juga minat kepada peserta dalam bidang sejarah dan merangsang mereka untuk memberikan maklum balas.

Program kolaborasi di antara PSB bersama UNISSA Ke-2 pada tahun ini, disertai oleh lebih 100 peserta, terdiri daripada para pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka, Jabatan Muzium-Muzium juga mahasiswa UNISSA, Universiti Brunei Darussalam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Pusat Da'wah Islamiah dan Balai Khazanah

Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Metode penyampaian Sesi Ceramah pada kali ini menggunakan dua kaedah, iaitu penyampaian secara *face-to-face* dan platform dalam talian melalui *live streaming* Facebook, yang dibukakan kepada orang ramai, termasuk dari luar negara, di kawasan Borneo.

Pihak jabatan berharap agar program seperti ini akan memberikan peserta kemahiran berfikir, menganalisis fakta sejarah secara rasional, di samping meminati ilmu sejarah secara tidak langsung.

Berjuang, terus bekerja dengan integriti



RUMAH pusaka peninggalan arwah Pengiran Tujoh, diusahakan beliau menjadi inap desa, dikenali sebagai Kunyit 7 Lodge, yang menjadi salah satu tarikan di Kampong Ayer.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 29 Ogos. - Meraih Anugerah Women of Impact Award, di Women 2020 Entrepreneurship Summit : Perspectives of the Global Woman of Impact, anjuran Go Negosyo di Filipina pada Mac lalu, Pengiran Kemariah binti Pengiran Haji Duraman berasa berbesar hati kerana anugerah tersebut adalah bukti bahawa jangan sesekali memandang rendah akan kekuatan seseorang wanita itu.

"Jika kita berjuang, terus bekerja dengan integriti dan menjadi suara

kepada orang-orang di sekeliling kita, dengan niat yang lurus, insyaaAllah, kita akan dapat meraih apa yang diimpikan," ujarnya.

Pengiran Kemariah merupakan usahawan wanita tempatan yang mengusahakan *homestay* (inap desa) Kunyit 7 Lodge, terletak di Kampung Bakut Berumpit, Kampong Ayer, di ibu negara.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Pengiran Kemariah, menjelaskan, industri pelancongan merupakan sektor yang dikenal pasti berpotensi untuk dimajukan

dalam menjana pertumbuhan dan kepelbagaian ekonomi sesebuah negara.

Tambahan pula, pada ketika ini, katanya, kita hanya boleh melancong di dalam negara akibat penularan jangkitan wabak COVID-19, yang masih lagi menular di seluruh dunia.

Menurutnya, anugerah yang diterima adalah sebagai penghargaan, di mana beliau banyak membantu komuniti yang memerlukan, seperti orang-orang kampung, ibu-ibu tunggal dan mereka yang memerlukan.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

"Saya hanya menjadi tulang belakang yang ingin melihat orang susah menjadi senang dengan membantu juga memberikan mereka modal untuk mengusahakan sesuatu, misalnya membuat kuih dan membuat buku.

"Modal tersebut diperoleh daripada hasil sumbangan hamba-hamba Allah yang baik hati dan sudi membantu," ujarnya.

Bukan hanya di dalam negara, katanya, di luar negara juga, beliau turut serta dalam tugas mendekati diri bersama komuniti yang memerlukan.

Menyentuh mengenai inap desa yang diusahakannya, Pengiran Kemariah, yang sememangnya sering melancong ke luar negara, melihat adanya potensi dan peluang untuk menceburkan diri dalam industri pelancongan, di mana beliau bercadang bagi memanfaatkan rumah pusaka peninggalan arwah Pengiran Tujoh.

Di sinilah, titik permulaan Kunyit 7 Lodge, yang menjadi salah satu tarikan di Kampong Ayer, mula memikat hati para pelancong dalam dan luar negara, sekali gus memperkenalkan budaya juga warisan negara.

Seiring dengan peredaran masa, Kunyit 7 Lodge, yang mula beroperasi secara rasmi pada tahun 2014, kini mempunyai akaun



PENERIMA Anugerah Women of Impact Award, semasa Women 2020 Entrepreneurship Summit : Perspectives of the Global Woman of Impact, anjuran Go Negosyo di Filipina pada Mac lalu, Pengiran Kemariah binti Pengiran Haji Duraman semasa ditemu bual.

media sosialnya, iaitu akaun Instagram : @kunyit7lodge_bn dan Facebook : Kunyit 7 Lodge.

"Akhir kata, saya berharap agar anak-anak muda meneruskan usaha dalam membuktikan kepada pelancong luar bahawa persepsi mereka adalah salah, buktikan kepada mereka bahawa Kampong Ayer adalah satu warisan bangsa yang indah dan cantik, yang tidak pupus ditelan peredaran zaman," ujar Pengiran Kemariah dalam mengakhiri sesi temu bual tersebut.